

PM mahu syarikat ubah sikap

13 FEB 1991

Oleh SALBIAH ANI

SHAH ALAM, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu syarikat tempatan mengubah sikap mereka yang selama ini begitu keberatan melabur dalam peralatan tambahan dan berusaha mengelak diri daripada mengambil risiko.

Sehubungan itu, katanya syarikat tempatan sewajarnya merebut peluang mengadakan usahasama dengan syarikat Jepun yang bercadang mengadakan pelaburan besar di negara ini.

"Usahasama itu termasuk pembekal komponen dan peralatan dari Jepun kerana dengan cara itu risiko pelaburan boleh diagih dan perkembangan pemindahan teknologi berlaku dalam bentuk yang lebih tersusun," katanya ketika merasmikan kilang kanta optik pertama di negara ini, Canon Opto (Malaysia) Sdn Bhd di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pemindahan teknologi melalui usahasama itu begitu berdaya maju kerana kira-kira 60 peratus daripada 113 syarikat di negara ini bergabung dengan syarikat Jepun.

"Saya dimaklumkan bahawa sebuah syarikat Jepun yang terbabit dalam pengeluaran peralatan audio meningkatkan penggunaan kandungan tempatan dalam pengeluarannya daripada 18 peratus kepada 52 peratus dalam tempoh dua tahun," katanya.

Perdana Menteri berkata, syarikat itu juga berjaya meningkatkan jumlah pembekalnya di rantau ini kepada 113 dan daripada jumlah itu sebahagiannya berada di Malaysia manakala bakinya di Singapura.

"Syarikat Jepun juga boleh bersepadu dengan rangkaian perniagaan Malaysia secara berterusan untuk mencari bahan mentah

dan keluaran separuh siap seperti mengadakan kerja pemasangan di negara ini," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan berusaha memastikan pemodal asing yang melabur di negara ini tidak menyesal dengan keputusan yang mereka buat itu.

"Adalah menjadi harapan Malaysia bahawa syarikat multinasional Jepun bersedia memindahkan teknologi kepada syarikat tempatan dan tidak seharusnya gentar berbuat demikian kerana teknologi Jepun tidak statik," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perkembangan yang begitu cepat tidak akan mengakibatkan teknologi yang dipindahkan kepada syarikat tempatan dapat bersaing kerana teknologi negara itu begitu kemaskini.

"Pengusaha Jepun boleh bekerjasama dengan pengeluar tempatan bagi memajukan keluaran masing-masing yang mampu memenuhi peraturan yang begitu ketat dalam pasaran eksport di samping memperbaiki harga keluaran dan tempoh pengirimannya," katanya.

Beliau berkata, jumlah permohonan projek Jepun meningkat lima kali ganda pada akhir tahun lalu, iaitu daripada 44 permohonan kepada 229 permohonan.

"Malahan, cadangan pelaburan modal Jepun meningkat dengan menggalakkan, iaitu 23 kali ganda dengan \$285 juta pada 1986 kepada \$6.738 bilion pada akhir tahun lalu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sekalipun perangkaan pelaburan Jepun di negara ini terus meningkat, tumpuan yang lebih perlu diberi pada projek pekilang bermutu yang hendak diadakan oleh mereka di negara ini.

"Apa yang diperlukan oleh masyarakat perniagaan di rantau Asia Pasifik, terutama negara Asean ialah pemindahan teknologi dan ini mampu dilakukan oleh Jepun," katanya.